

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 27 / 06 / 1988

PENDAPAT ZAID TAK MENCERMINKAN SUARA MAJORITI PEGUAM² MUSLIM

Saudara Pengarang;

SAYA ingin menarik perhatian terhadap rayuan - rayuan yang dibuat oleh BAR Malaysia dan Majlis Peguam Malaysia. Di sini ingin disentuh mengenai dua perkara yang disuarakan oleh dua perbadanan itu. Pertama ialah supaya Tan Sri Abdul Hamid Omar, Tan Sri Lee Hun Hoe, Tan Sri Abdul Aziz Zain, Tan Sri Mohamed Zahir Ismail dan Hakim T.S. Sinnathuray menarik diri atau membatalkan kelayakan diri mereka daripada menganggotai tribunal berkenaan Tun Mohd. Salleh Abas. Kedua ialah supaya tribunal menjalankan perbicaraannya secara terbuka. Saya adalah seorang peguam beramal dan menganuti agama Islam dan bolehlah dikatakan pendapat - pendapat saya dipersetujui oleh ramai peguam muslim di Kuala Lumpur dan Selangor, kalau tidak di seluruh Semenanjung Malaysia, yang sehingga kini merupakan "majoriti senyap," peguam muslim. Sambil tidak mempertikaikan hak Encik Zaid

Ibrahim (dan penyokong - penyokong dan sahabat - sahabatnya) untuk menubuhkan apa - apa persatuan yang dibenarkan oleh undang - undang jika ia mahu, saya mesti membetulkan anggapan awam yang timbul dari pendapat - pendapatnya bersabit dengan tribunal itu dan seruan - seruan yang dibuat oleh BAR Malaysia dan Majlis Peguam Malaysia. Pendapat Encik Zaid, dan begitu juga pendapat - pendapat Persatuan Peguam - Peguam Muslim Malaysia sama sekali tidak mencerminkan pendapat - pendapat majoriti peguam muslim. Di Kuala Lumpur dan Selangor sahaja lebih ada kurang lebih 200 peguam - peguam muslim yang beramal dan sejumlah besar dari mereka menghadiri mesyuarat agung luar biasa BAR Malaysia pada 18 Jun 1988. Persatuan Peguam Muslim Malaysia setakat ini mengandungi tidak lebih dari 10 ahli dan belum berganjak jauh dari peringkat tajaan telah didaftarkan tetapi belum mengadakan mesyuarat agungnya yang pertama atau melantik jawatankuasa kerja/ tadbirannya.

Um - 27 JUN 1988
Dengan keadaan itu adalah diragukan sama ada pendapat - pendapat Encik Zaid boleh dianggap sebagai pendapat - pendapat persatuan itu. Encik Zaid sendiri tidak kelihatan di mesyuarat agung luar biasa BAR Malaysia yang dikatakan tadi walaupun ia seorang ahli BAR Malaysia dan tidak ada suatu suara bangkangan yang datang dari mana - mana peguam muslim kepada resolusi - resolusi yang dikemukakan.

Resolusi

Kesemua peguam muslim yang hadir mengundi menyokong resolusi - resolusi itu dan sesungguhnya pindaan - pindaan kepada resolusi - resolusi itu untuk memasukkan seruan supaya ahli tribunal yang dilantik tersebut di atas menarik diri atau membatalkan kelayakan diri mereka telah disyorkan oleh tidak lain dari seorang peguam muslim. Dalam keadaan seperti di atas, pendapat - pendapat yang dikeluarkan oleh Encik Zaid beberapa hari kebelakangan ini tidak layak diberi perhatian luas seperti sehingga kini diberikan dan walau

bagaimanapun tidak layak diberikan apa - apa pertimbangan.

Adalah disyorkan supaya Encik Zaid dan persatuannya, kalaulah demikian, supaya menyimpan fikiran mereka di kepala mereka sendiri daripada menonjolkan diri sebagai mewakili kami peguam muslim.

Saya bercakap bagi pihak "majoriti senyap," peguam - peguam muslim melalui seruan - seruan yang dibuat oleh BAR Malaysia dan Majlis Peguam Muslim Malaysia berikutan dari mesyuarat agung luar biasa 18 Jun 1988 dan mesyuarat Majlis Peguam Malaysia pada 17 Jun 1988 menerima sokongan hampir kesemua peguam - peguam termasuk peguam - peguam muslim dan memang sewajarnya. Atas sebab - sebab yang telah diberi oleh Majlis Peguam Malaysia saya menyeru supaya seruan - seruan itu ditunaikan dan saya seterusnya menegaskan berkenaan bahawa tidak ada "udang di sebalik batu," berkenaan seruan - seruan itu dan ia tidaklah berniat menyentuh kehormatan atau menyinggung perasaan sesiapa. Pada umbinya seruan - seruan itu berasaskan kehendak supaya "keadilan bukan sahaja mesti dilaksanakan tetapi mesti boleh dilihat pelaksanaannya." — PEGUAM MUSLIM, Petaling Jaya.